KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	27/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	UMUM			

Tanah mendap di Seri Kembangan

Projek pemasangan cerucuk besi disegera



Keadaan lokasi kejadian tanah mendap di Lestari Perdana, Seri Kembangan. (Foto BERNAMA)

Projek dijangka siap dalam tempoh seminggu, elak kejadian berulang

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Seri Kembangan: Projek pemasangan cerucuk besi di tebing Jalan LP 1a/2 di Lestari Perdana, Bandar Putra Permai, di sini, dilakukan segera selepas kawasan itu disahkan berisiko susulan kejadian tanah mendap kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Infrastruktur Selangor, Izham Hashim, berkata pemasangan cerucuk itu dilaksanakan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan dijangka selesai dalam tempoh seminggu.

Beliau berkata, kejadian yang berlaku itu tidak serius dan siasatan dijalankan bagi memastikan ia tidak berulang.

"Memang ada laluan air di kawasan kejadian dan siasatan mengenai punca tanah mendap berlaku masih dijalankan.

"Memang kawasan ini berisiko tetapi kejadian yang berlaku tidak begitu serius. Namun, kita masih ambil langkah berjaga-jaga sebab tidak tahu lagi punca sebenar kejadian itu," katanya selepas melawat lokasi kejadian, semalam.

Mengulas pampasan kepada pemilik lima kenderaan rosak akibat tanah mendap itu, Izham berkata, beliau sudah membangkitkan perkara itu kepada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari pada mesyuarat EXCO negeri, petang semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner A A Anbalagan, berkata cerucuk besi berketinggian 12 meter dipasang di kawasan sepanjang 150 meter bagi menghentikan sebarang pergerakan tanah, sejak jam 2 pagi kelmarin.

Pegawai Daerah Petaling, Datuk Johary Anuar, berkata runtuhan susulan berpotensi berlaku di kawasan berkenaan hasil laporan dan pemantauan Jabatan Kejuruteraan MBSJ, yang mendapati masih berlaku pergerakan tanah.

"Kita melantik kontraktor untuk langkah awal bagi memasang cerucuk besi di tebing bertujuan mengelakkan tanah runtuh berlaku lagi.

"Maklumat yang kita peroleh mendapati ada risiko pergerakan tanah dan kerja baik pulih kini giat dilakukan," katanya.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Selangor, Norazam Khamis, memberi jaminan situasi semasa di kawasan terbabit terkawal.

Namun, beliau berkata, bomba dan polis masih mengawasi kawasan itu sebagai langkah berjaga-jaga jika insiden berulang.


Izham (dua dari kiri) meninjau keadaan lokasi kejadian tanah mendap di Lestari Perdana, Seri Kembangan, semalam. (Foto ihsan Media Oren)